

**Malaysia Komited Tangani Jerebu, Tawar Pembenihan Awan Kepada Indonesia -
Najib
Bernama
22 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan komited mengatasi masalah jerebu dengan menawarkan khidmat pembenihan awan kepada Indonesia.

Beliau berkata dengan inisiatif itu, diharapkan masalah jerebu akan segera berakhir.

Najib berkata demikian dalam laman Twitternya, Sabtu.

Pada Jumaat, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G. Palanivel berkata Malaysia akan menawarkan khidmat pembenihan awan yang akan disampaikan secara rasmi dalam pertemuannya dengan Menteri Alam Sekitar Indonesia, Rabu ini.

Beliau berkata perkara itu telah dibincangkan dengan perdana menteri pada mesyuarat kabinet Rabu lepas, yang pada mula mencadangkan supaya Malaysia mengadakan pembenihan awan di kawasan yang dilanda jerebu teruk di negara ini.

Jerebu yang melanda kali ini adalah terburuk berbanding pada 2005 dan 2010 apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencecah paras tertinggi melebihi 382 iaitu paras bahaya di Muar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=957979>